

Angka Giliran:..... No. Tempat Duduk:.....

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

LKM 400 – BAHASA MALAYSIA IV

Masa: 2 jam

(Jangan mula tulis jawapan sehingga diberitahu oleh pengawas peperiksaan)

Baca dan fahami arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan. Bagi setiap soalan, tulis jawapan anda di dalam ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

Buku soalan ini mengandungi **DUA BELAS (12)** muka surat bercetak.

		Markah yang diperoleh
Soalan Bahagian A	Karangan (70 markah)
Soalan Bahagian B	Membetulkan Ayat (30 markah)
	Jumlah :
	Dibulatkan :
	Gred :
	Keputusan :	LULUS / GAGAL

...2/-

Angka Giliran:..... No. Tempat Duduk:.....

BAHAGIAN A: KARANGAN (70 markah)

Arahan: Tulislah sebuah karangan yang panjangnya antara 500-600 patah perkataan tentang satu daripada tajuk di bawah. (*Pemarkahan karangan yang anda tulis akan dibuat berdasarkan isi, organisasi, bahasa dan gaya keseluruhan*).

1. Perjuangan memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu menemui jalan yang sukar kerana keengganan sesetengah pihak mengiktiraf peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan ketidakyakinan mereka terhadap kemampuan bahasa itu mendukung peranan tersebut.
Bincangkan.
2. Prestasi moral dan etika rakyat Malaysia semakin merudum lantaran semakin meningkatnya pelbagai kes dan jenayah sosial dari semasa ke semasa.
Bincangkan.
3. Sebagai rakyat Malaysia, kita semua memahami dan mengakui bahawa perpaduan ialah kunci tercapainya kemerdekaan negara pada 50 tahun yang lalu. Malangnya, kini ketika negara megah merayakan 50 tahun usia kemerdekaan, kita melihat ikatan perpaduan dan permuafakatan rakyat semakin longgar dan tidak mustahil bahawa segala pembangunan dan kesenangan yang dikecapi oleh negara selama ini akan musnah seandainya masalah ini dibiarkan berlarutan.
Berikan pendapat anda.
4. Kenaikan harga barangan terkawal sering menimbulkan masalah kepada pengguna pada musim perayaan. Wajarkah pihak kerajaan dipersalahkan dan diminta untuk mencari jalan penyelesaiannya?
Berikan pendapat anda.
5. Kecemerlangan tidak akan tercapai tanpa kebersihan hati.
Paparkan.